

PROSEDUR PEGAWAI YANG TERTAKLUK KEPADA PROSIDING JENAYAH DAN PERINTAH TAHANAN ATAU SEKATAN



BAHAGIAN PERKHIDMATAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



PROSIDING JENAYAH

- ❖ Merujuk kepada suatu Prosiding di mana dua pihak di dalamnya terdiri daripada Pendakwa dan Tertuduh (defenden).
- ❖ Tertuduh telah melanggar peruntukan undang-undang bertulis di mana undang-undang tersebut memperuntukkan sesiapa yang melanggar peruntukan itu boleh dijatuhkan hukuman yang bersifat penderitaan seperti penjara, sebat dan denda.



SABITAN ATAU DISABITKAN

➤ Suatu dapatan oleh sesuatu mahkamah di bawah mana-mana undang-undang bertulis bahawa pegawai itu bersalah atas sesuatu kesalahan jenayah.

- Peraturan 3 P.U.(A) 395/1993



KESALAHAN JENAYAH

- Apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau Tingkah laku keji.

- - *Peraturan 3 P.U.(A) 395/1993*



PROSEDUR JIKA PROSIDING JENAYAH DIMULAKAN (PERATURAN 28)

1. TANGGUNGJAWAB MEMAKLUMKAN PROSIDING JENAYAH

- i) Pegawai maklumkan Ketua Jabatannya**
- ii) Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah hantar kepada Ketua Jabatan pegawai:-**



a) Pertuduhan

b) Tarikh dan Waktu tangkapan

c) Ikat Jamin

d) Maklumat lain berkaitan



- iii) Ketua Jabatan dapatan laporan daripada mahkamah dan kemukakan maklumat tersebut kepada PBTT berkenaan berserta syor sama ada Pegawai patut ditahan kerja.
- 2) PBTT berkenaan boleh, jika difikirkan sesuai menahan kerja pegawai itu
 Faktor-faktor diambil kira di bawah sub peraturan 44(4)
- 3) Sebaik sahaja prosiding jenayah selesai, Ketua Jabatan dapatan daripada Mahkamah:
 - a) Keputusan ; dan
 - b) Maklumat rayuan jika ada
 Kemukakan kepada PBTT



4. Jika pegawai disabitkan, PBTT yang ada kuasa buang kerja atau turun pangkat, hendaklah menggantung pegawai itu daripada menjalankan tugas mulai tarikh sabitan sementara menunggu keputusan PBTT [*sub peraturan 28(6)*].
5. Jika pegawai dibebaskan dan tiada rayuan dibuat oleh Pendakwa Raya, pegawai dibenarkan bertugas semula dan berhak terima emolumen yang tertahan dan juga cuti rehat tahunan [*sub peraturan 28(7)*].
6. Jika pegawai dibebaskan dan rayuan dibuat oleh Pendakwa Raya, PBTT buat keputusan sama ada atau tidak pegawai patut ditahan kerja sehingga rayuan diputuskan [*sub peraturan 28(8)*].



7. Jika pegawai disabitkan, tapi atas rayuannya, ia dibebaskan, pegawai dibenarkan jalankan tugas dan berhak terima emolomen yang tertahan dan juga cuti rehat tahunan [*sub peraturan 28(9)*].
8. Jika pegawai dibebas tapi atas rayuan Pendakwaraya, pegawai itu disabitkan PBTT hendaklah menggantung kerja pegawai itu mulai tarikh sabitan [*sub peraturan 28(10)*].
9. Pembebasan termasuk pelepasan yang tidak terjumlah kepada pembebasan [*sub peraturan 28(11)*].



TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN TERHADAP PEGAWAI YANG DISABITKAN KERANA KESALAHAN JENAYAH –PERATURAN 29

- Pegawai tidak merayu

- Rayuan ditolak ;
atau


- Rayuan Pendakwa
Raya terhadap
pembebasannya
berkeputusan dengan
pensabitannya.

* *Ketua Jabatan dapatkan salinan
keputusan mahkamah.*



Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada PBTT yang ada kuasa buang kerja atau turun pangkat

- Keputusan mahkamah ;
- Rekod perkhidmatan pegawai ; dan
- Perakuan Ketua Jabatan:-





PERTIMBANGAN PBTT DALAM KES SABITAN

1. Setelah terima maklumat berkenaan, PBTT membuat keputusan :-
 - a) Sama ada buang kerja atau turun pangkat ;
 - b) Kenaikan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat di bawah Peraturan 38; atau
 - c) Membebaskan pegawai.

[Peraturan 33]

2. **Jika hukuman selain buang kerja atau tiada hukuman dikenakan :-**



PBTT arahkan pegawai kembali menjalankan tugas serta-merta

[Peraturan 46]



PERATURAN 45A

Kedudukan Emolumen Yang Tidak DiBayar

1) Jika prosiding tatatertib berkeputusan dengan buang kerja :



Pegawai tidak berhak kepada apa-apa bahagian emolumen yang tidak dibayar dalam tempoh penahanan kerja atau penggantungan kerja.

2) Jika hukuman selain buang kerja :



Pegawai berhak terima apa-apa bahagian emolumen dalam tempoh penahanan dan penggantungan kerja.



PROSEDUR JIKA TERDAPAT PERINTAH TAHANAN, BUANG NEGERI DAN SEBAGAINYA

a) Perintah tahanan

b) Perintah pengawasan,
kediaman terhad, buang
negeri atau deportasi ;
atau

c) Sekatan atau
pengawasan sama ada
dengan bon atau selainnya



1. Yang dibuat dibawah undang-undang mengenai :-

- a) Keselamatan Malaysia
- b) Pencegahan jenayah
- c) Tahanan pencegahan
- d) Kediaman terhad
- e) Buang negeri
- f) Imigresen
- g) Perlindungan wanita dan gadis atau kanak-kanak



Ketua Jabatan dapatkan satu salinan perintah daripada pihak berkuasa berkenaan



2. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada PBTT yang ada kuasa buang kerja / turun pangkat :-
 - i) Salinan perintah ;
 - ii) Rekod perkhidmatan pegawai ; dan
 - iii) Perakuan Ketua Jabatan sama ada :-
 - a) Pegawai patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat
 - b) Dikenakan hukuman ringan
 - c) Tamat perkhidmatan demi kepentingan awam ; atau
 - d) Tiada hukuman dikenakan
 - iv) Syor pegawai digantung kerja



3. PBTT hendaklah membuat keputusan sama ada :-
 - a) Buang kerja atau turun pangkat ;
 - b) Kenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat ; atau
 - c) Membebaskan pegawai

4. Jika hukuman selain buang kerja, PBTT arahkan pegawai bertugas semula.

CATATAN :

Sebelum PBTT membuat keputusan, PBTT hendaklah menggantung pegawai daripada menjalankan tugas di bawah sub peraturan 45(1).

KONSEP PENAHANAN KERJA DAN PENGGANTUNGAN KERJA



BAHAGIAN PERKHIDMATAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



PENAHANAN KERJA

Satu perintah yang dikeluarkan oleh PBTT yang berkenaan untuk menghalang seseorang pegawai daripada menjalankan tugas.

(Peraturan 43 dan 44)



PENGGANTUNGAN KERJA

Satu perintah yang dikeluarkan oleh PBTT Berkenaan untuk menghalang seseorang pegawai daripada menjalankan tugas apabila pegawai itu DISABITKAN oleh Mahkamah atas kesalahan jenayah atau dikenakan PERINTAH TAHANAN, BUANG NEGERI DSB.

(Peraturan 45)



APAKAH IA HUKUMAN
TATATERTIB?



TIDAK

IA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA
PERUNTUKAN SUBSTANTIF

P.U.(A)395/1993




KUASA UNTUK TAHAN DAN GANTUNG KERJA

PBTT YANG ADA KUASA MEMBUANG
KERJA ATAU TURUN PANGKAT





BILA DAN BAGAIMANA BOLEH DIBUAT



- ◇ **PENAHANAN KERJA**
- ◇ **PENGGANTUNGAN KERJA**



PERATURAN 43

PENAHANAN KERJA BAGI MAKSUD PENYIASATAN

JIKA SEMUNASABAHNYA DISYAKI MELAKUKAN :

- i. Kesalahan Jenayah ; Atau
- ii. Kesalahan Tatatertib Yang Serious

FAKTOR DI AMBIL KIRA :

- i. Berkaitan Dengan Tugas Rasmi ; Dan
- ii. Kehadiran Mengendalikan Siasatan



TEMPOH PENAHANAN KERJA?



TIDAK MELEBIHI DUA BULAN

EMOLUMEN?



DIBAYAR
100%




BOLEHKAH PENAHANAN KERJA DIHENTIKAN



TERHENTI DENGAN SENDIRINYA
JIKA :

- i) – Prosiding Jenayah Dimulakan ; Atau
- ii) - Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja/Turun Pangkat Diambil





PENAHANAN KERJA DI BAWAH PERATURAN 44

1. BOLEH DITAHAN KERJA JIKA:

- (a) Prosiding Jenayah Telah Dimulakan (Kes Disebut Di Mahkamah); Atau
- (b) Prosiding Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat Telah Dimulakan (Wujud Prima Facie)



2. FAKTOR DIAMBIL KIRA:

(a) SAMA ADA JENIS KESALAHAN SECARA LANGSUNG BERHUBUNG DENGAN TUGAS

(b) KEHADIRAN KE PEJABAT MENGENDALAKAN PENYIASATAN

(c) KEHADIRAN KE PEJABAT BOLEH MEMALUKAN ATAU JEJAS IMEJ JABATAN

(d) MENYEBABKAN KERAJAAN KERUGIAN





TARIKH KUATKUASA PENAHANAN KERJA

PROSIDING JENAYAH

BOLEH
DIKUATKUASAKAN
DARI TARIKH
DITANGKAP ATAU
TARIKH SAMAN
DISAMPAIKAN

PROSIDING
TATATERTIB

TARIKH YANG
DITETAPKAN OLEH
PBTT BERKENAAN
TETAPI TIDAK BOLEH
LEBIH AWAL DARI
TARIKH WUJUD KES
PRIMA FACIE



BOLEHKAH PENAHANAN KERJA DIHENTIKAN?

BOLEH

- i. APABILA PEGAWAI DISABITKAN ATAU PROSIDING TATATERTIB TELAH SELESAI
- ii. PADA BILA-BILA MASA ATAS PERTIMBANGAN PBTT
 - PERINTAH PENAHANAN KERJA TERHENTI MULAI PEGAWAI JALANKAN TUGAS;
 - EMOLUMEN PENUH DIBAYAR MULAI TARIKH PEGAWAI MENJALANKAN TUGAS;
 - BAHAGIAN EMOLUMEN YANG TIDAK DIBAYAR SEMASA PENAHANAN KERJA TIDAK BOLEH DIBAYAR SEHINGGA KES DISELESAIKAN



BAYARAN EMOLUMEN

TIDAK KURANG SETENGAH EMOLUMEN

50% - 100%



TEMPOH :-

- SEHINGGA SELESAI KES / DIGANTUNG KERJA
- ATAU SEHINGGA DIBUANG KERJA



PENGGANTUNGAN KERJA PERATURAN 45

HENDAKLAH DIBUAT JIKA:

- a) PEGAWAI DISABITKAN OLEH MANA-MANA MAHKAMAH DI ATAS KESALAHAN JENYAH; ATAU
- a) SUATU PERINTAH TAHANAN ATAU SEKATAN DI BAWAH PERATURAN 32 DIBUAT TERHADAP PEGAWAI





KEDUDUKAN EMOLUMEN

- ❖ TIDAK DIBENAR TERIMA APA-APA BAHAGIAN EMOLUMEN YANG TIDAK DIBAYAR DALAM TEMPOH PENAHANAN KERJA; DAN
- ❖ TIDAK BERHAK TERIMA APA-APA EMOLUMEN SEPANJANG TEMPOH PENGANTUNGAN KERJA





TARIKH KUATKUASA PENGANTUNGAN KERJA

1. SABITAN OLEH MAHKAMAH



DARI TARIKH SABITAN KES DI MAHKAMAH

2. KES TAHANAN



DARI TARIKH KUAT KUASA PERINTAH TAHANAN



**BOLEHKAH PENGGANTUNGAN
KERJA DIHENTIKAN**

**PENGGANTUNGAN KERJA DITERUSKAN
SEHINGGA PBTT BERSIDANG DAN
MEMBUAT KEPUTUSAN
TERHADAP PEGAWAI**





ISU-ISU BERKAITAN

- (i) PERLUKAH PEGAWAI HADIR BERTUGAS?
TIDAK PERLU HADIR

- (ii) BAGAIMANA STATUS PEGAWAI?
KEKAL STATUS SEBAGAI PEGAWAI AWAM



(iii) ADAKAH TERTAKLUK KEPADA PERATURAN / AKTA?

YA ⇒ TERTAKLUK KEPADA SEMUA PERATURAN

(iv) BAGAIMANA DENGAN KEMUDAHAN?

BERHAK TERIMA KEMUDAHAN, KECUALI:

★ YANG DITARIK OLEH UNDANG-UNDANG

 **EMOLUMEN**





BERTENTANGAN DENGAN PENAHANAN KERJA / PENGGANTUNGAN KERJA

CUTI (JIKA DISABITKAN)



ELAUN PERBATUAN /
MAKAN



KERETA RASMI (BAGI
KES PENGGANTUNGAN
KERJA)



v) PERGERAKAN GAJI

DILIHAT 2 KEADAAN :

a) Kurang 180 Hari → Boleh Dipertimbangkan

b) Lebih 180 Hari → Tangguh

Keputusan Kes ?

Tidak Bersalah ⇨ Boleh Dipertimbangkan

Bersalah ⇨ Tidak Boleh Dipertimbangkan



**(vi) BOLEHKAH PENAHANAN / PENGGANTUNGAN
KERJA DIBUAT SECARA PENTADBIRAN?**

TIDAK

★ HANYA BOLEH DILAKSANAKAN SETELAH ARAHAN
PENGGANTUNGAN / PENAHANAN KERJA
DIKELUARKAN OLEH PBTT BERKENAAN



SEKATAN DIBAWAH PERATURAN 48

1) PEGAWAI YANG DITAHAN ATAU DIGANTUNG KERJA TIDAK BOLEH MENINGGALKAN MALAYSIA TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PENERUSI PBTT BERKENAAN

2) JIKA BERKHIDMAT DI LUAR MALAYSIA, IA HENDAKLAH DIPANGGIL BALIK SEGERA

3) JIKA MENINGGALKAN MALAYSIA TANPA KEBENARAN - DIHENTIKAN



**SEKIAN
TERIMA KASIH**